

22/09/2003

Malaysia projek terbesar Dr Mahathir

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Malaysia adalah projek terbesar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri kerana beliau menggunakan segala idea dan pandangannya dalam pembentukan negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah berkata, Dr Mahathir menjadikan Malaysia sebagai projeknya untuk mencapai kejayaan luar biasa.

"Kejayaan hasil usaha Perdana Menteri begitu banyak termasuk Koridor Raya Multimedia (MSC), projek kereta nasional Proton, kompleks kerajaan di Putrajaya, menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bersih dan lain-lain.

"Semuanya membuktikan apa yang dikatakan beliau boleh, memang dapat dilakukan. Malah, ada yang menganggap Dr Mahathir adalah pemimpin Melayu yang paling ulung dalam sejarah bangsa kita," katanya berucap melancarkan Encyclopedia of Dr Mahathir Bin Mohamad, Prime Minister of Malaysia (Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia) di sini, malam tadi.

Sebelum pelancarannya, sebanyak 30,000 set ensiklopedia yang dijual pada harga RM1,300 dan RM2,200 sudah dijual.

Abdullah juga menggambarkan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang tegas, pemikir tidak pernah letih dan penuh dengan idea dalam usahanya membangunkan negara ini.

"Ensiklopedia itu mengandungi sekurang-kurangnya tiga ucapan penting yang disampaikan Perdana Menteri setiap minggu dan koleksi ucapannya itu pasti memberi manfaat kepada semua, termasuk ilmuan, ahli sejarah dan penggubal polisi yang berminat untuk mengetahui negara dan rantau ini lebih mendalam," katanya.

Beliau berkata, slogan 'Malaysia Boleh' yang diilhamkan Perdana Menteri berjaya menyuntik keyakinan rakyat untuk mencapai kecemerlangan.

"Dr Mahathir sentiasa mengingatkan kita supaya apa yang diusaha perlu lebih cemerlang daripada apa yang dapat diberikan orang lain. Beliau bukan saja bercakap, tetapi mampu membuktikannya," katanya.

Idea untuk menghasilkan ensiklopedia itu dicetuskan pemilik syarikat dan pemimpin dunia lain.

Ensiklopedia 10 jilid dalam tiga versi iaitu bahasa Inggeris dan Arab serta gabungan bahasa Inggeris dan Arab akan diedarkan di pasaran tempatan oleh syarikat penerbitan Darulfikir Sdn Bhd, mulai hari ini.

Koleksi ucapan Dr Mahathir yang dibukukan itu menyentuh isu mengenai Islam dan umatnya, dilema orang Melayu, isu mengenai Asia, globalisasi dan perkongsian pintar, sains dan teknologi, hak asasi manusia, politik dan isu kontemporari lain.

Turut dimuatkan ialah pemikiran beliau yang menyentuh isu kedaifan masyarakat Islam dalam pelbagai aspek menyebabkan mereka berdepan dengan masalah untuk menerima perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Ensiklopedia ini adalah koleksi ucapan Dr Mahathir yang disampaikan melalui forum di dalam dan luar negara selama lebih 20 tahun beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri. Ensiklopedia itu juga akan dilancarkan di Universiti Oxford, United Kingdom, Selasa ini.

Ensiklopedia itu diusahakan empat penerbit, dua daripadanya dari Mesir dan Beirut iaitu Dar Al-Kitab Al-Masri dan Al-Kitab Al-Lubnan manakala dua lagi penerbit tempatan, Darulfikir dan Dar Al-Kitab.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Dar Al-Kitab Al-Masri.